



بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

PEJABAT KEWANGAN DAN PERBENDAHARAAN
NEGERI PAHANG DARUL MAKMUR.

Tingkat 3, 5, & 6,
Blok B, Wisma Sri Pahang,
25503 Kuantan,
Pahang Darul Makmur.

Tel. : 09-512 6800
Fax. : 09-513 4839
Email : pkn@pahang.gov.my

Ruj. Kami : PERB.PHG.SPA 100-1/1.9/1 Jld. 2 (2)
Tarikh : 18 Julai 2018

SEPERTI SENARAI EDARAN

YB Dato' Sri/ YH Dato' Sri/ YH Dato' Indera/ YH Dato' / Tuan,

PINDAAN 1PEKELILING PERBENDAHARAAN / PK 2.1 / LAMPIRAN 2.1 : MENGENAI KONTRAK PANEL BERPUSAT (SEBELUM INI DIKENALI SEBAGAI KONTRAK PUSAT SISTEM PANEL).

Dengan hormatnya izinkan saya menarik perhatian pihak YB Dato' Sri/ YH Dato' Sri/ YH Dato' Indera/ YH Dato' / tuan kepada perkara tersebut di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Kementerian Kewangan Malaysia telah mengemaskini 1Pekeliling Perbendaharaan (1PP) PK 2.1 Lampiran 2.1 mengenai **Kontrak Panel Berpusat (sebelum ini dikenali sebagai Kontrak Pusat Sistem Panel)** berkaitan tempoh kontrak bagi item **Perabot Berasaskan Kayu, Perabot Jenis Polypropylene, Perabot Logam, Katil Besi Setingkat dan Dua Tingkat (Tidak Termasuk Katil Pesakit), Perabot Pejabat Kerusi Berasaskan Kain dan Perabot Rotan.** Untuk mendapatkan perincian penuh berkaitan pindaan tersebut di atas, pihak YB Dato' Sri/ YH Dato' Sri/ YH Dato' Indera/ YH Dato' / tuan adalah dialu-alukan untuk mengunjungi Portal 1PP Kementerian Kewangan Malaysia (1pp.treasury.gov.my).

3. Kerjasama pihak YB Dato' Sri/ YH Dato' Sri/ YH Dato' Indera/ YH Dato' / tuan adalah dipohon untuk **memastikan pembelian item Kontrak Panel Berpusat dilaksanakan dengan syarikat yang telah dilantik dan sebarang pengecualian hendaklah dipohon melalui Ketua Jabatan dengan justifikasi yang benar-benar munasabah untuk pertimbangan Pegawai Kewangan Negeri.** Perhatian dan kerjasama pihak YB Dato' Sri/ YH Dato' Sri/ YH Dato' Indera/ YH Dato' / tuan berhubung perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,

(DATO' INDERA HAJI MOHAMAD ROSLAN BIN HARUN,
SIMP., DSAP., DIMP., SMP.)
PEGAWAI KEWANGAN NEGERI
PAHANG DARUL MAKMUR

- s.k.:
1. Timbalan Pegawai Kewangan Negeri
 2. Akauntan Negeri
 3. KPPKN (Belanjawan dan Hasil)
 4. KPPKN (Pelaburan dan Pinjaman)
 5. PPKN (Khidmat Pengurusan)